

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

JAWAPAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan dan persediaan untuk meningkatkan keupayaan setiap pengajar dan juga institusi latihan kemahiran awam dan swasta pasca COVID-19 (Norma Baru).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi meningkatkan keupayaan setiap pengajar dan juga institut latihan kemahiran awam dan swasta pasca COVID-19 (NORMA BARU), Kementerian Sumber Manusia melalui Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Pembangunan Kemahiran telah merancang dan menyediakan program-program seperti Program Pembangunan Kepakaran & Latihan Semula Tenaga Pengajar (Reskilling), Program Latihan Sangkutan Industri (LSI) dan Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI).

2. Program Pembangunan Kepakaran & Latihan Semula Tenaga Pengajar (Reskilling) telah mula dilaksanakan pada tahun 2016 dengan tujuan untuk meningkatkan kepakaran dan kemahiran pengajar TVET. Dari tahun 2016 hingga 2019, sebanyak 2,873 kursus telah dilaksanakan di mana seramai 51,597 pengajar TVET telah mengikuti program ini. Bagi tahun 2020, Program *Reskilling* ini menawarkan sebanyak 375 kursus untuk 4,000 pengajar TVET yang merangkumi kursus kemahiran pelbagai bidang serta kursus berkaitan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

3. Dalam memastikan peningkatan profesionalisme tenaga pengajar TVET memenuhi kehendak industri, Program Latihan Sangkutan Industri (LSI) telah diperkenalkan. Program ini merupakan program penempatan tenaga pengajar untuk menjalani latihan di industri secara terancang dan diselia oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan di industri dalam bidang pengkhususan masing-masing. Pada tahun 2011 sehingga 2019, seramai 1,506 pengajar TVET telah menyertai LSI. Manakala bagi tahun 2020, seramai 200 pengajar TVET disasarkan akan menyertai program LSI ini.

4. Selain program Reskilling dan LSI, Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) turut dilaksanakan di mana program ini akan menemukan tenaga pengajar TVET dalam program-program berbentuk seminar, kursus jangka pendek, bengkel dan sebagainya. Program PKI ini merupakan

suatu platform di mana pihak industri atau pakar industri yang diiktiraf dijemput untuk berkongsi kepakaran atau pengalaman mereka dengan pihak institusi latihan dalam memastikan pelaksanaan latihan menepati kehendak industri. Pada tahun 2018 dan 2019, seramai 778 pengajar TVET telah menyertai Program PKI. Manakala bagi tahun 2020 adalah dianggarkan seramai 150 pengajar TVET menyertai Program PKI ini.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi meningkatkan keupayaan institusi latihan kemahiran, ILJTM bersedia untuk melaksanakan mod modul pembelajaran khas secara *online* yang dibangunkan secara dalaman oleh pengajar-pengajar. Mod pembelajaran secara *online* adalah untuk pengambilan pelajar baharu untuk sesi 2/2020 yang mendaftar pada 1 September 2020 akan datang.

6. Seramai 6,200 orang pelajar ditawarkan untuk memasuki dalam pelbagai bidang di ILJTM. Kaedah ini adalah sebagai respons ILJTM untuk mengharungi Norma Baru bagi mengadaptasikan penularan wabak COVID-19.

7. Untuk itu, pengajar ILJTM telah didedahkan kursus *online* secara *in-house* bagi meningkatkan kemahiran masing-masing. JTM akan menyediakan jadual yang seragam agar pemantauan pelaksanaan kelas-kelas *online* ini dapat dipantau oleh ibu pejabat.

8. Pada masa yang sama, pengurusan institut juga diminta memberi perhatian sepenuhnya kepada pengajar agar impak kelas-kelas *online* ini hampir setara dengan pelaksanaan kelas secara bersemuka. Pelaksanaan latihan juga akan mengambil kira SOP COVID-19 sektor perkhidmatan latihan kemahiran yang telah diluluskan oleh MKN dengan norma baru iaitu mengelakkan 3C (*crowded place, confined space & close conversation*) dan mengamalkan 3W (*wash, wear & warn*).

Sekian, terima kasih.